

BAB 5

RUMUSAN

Daripada analisis yang telah dibuat dalam bab-bab yang telah lalu dapat disimpulkan bahawa islamisasi adalah usaha berterusan untuk menjadikan manusia yang fitrah. Manusia fitrah ini adalah manusia yang mentaati segala perintah dan meninggalkan larangan Tuhannya. Manusia fitrah adalah insan yang sedar dengan status dirinya sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t. Manakala islamisasi ilmu pula bermaksud menjadikan setiap ilmu berasaskan prinsip-prinsip Islam, budaya dan peradaban Islam. Dengan itu, idea bahawa ilmu adalah bebas nilai, neutral dan boleh diterima oleh semua manusia ditolak. Bagaimanapun melakukan islamisasi ilmu bukan sesuatu yang mudah. Di sebaliknya, memerlukan usaha yang serius dan bersungguh-sungguh serta persediaan keilmuan yang tinggi dari setiap golongan cendekiawan Islam di seluruh dunia. Oleh itu, usaha pertama dan paling penting kepada kejayaan islamisasi ilmu adalah melahirkan ramai cendekiawan Islam yang ikhlas, berani dan mempunyai kesanggupan untuk mengharungi cabaran besar ini. Jika langkah ini tidak dilakukan maka usaha islamisasi tidak mungkin berjaya.

Adalah juga wajar untuk diakui bahawa islamisasi ilmu ini adalah masih baru dalam sejarah epistemilogikal Islam moden. Menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a), Muhammad Iqbal (meninggal dunia 1937) merupakan pemikir Islam moden pertama yang mengemukakan gagasan pengislaman ilmu pada tahun 1942. Maka gagasan ini berusia dalam lingkungan hampir satu abad. Satu abad

bagi sesuatu gagasan bukanlah suatu masa yang cukup untuk melihat kesannya kepada kehidupan umat Islam. Tambahan lagi, ketika gagasan ini muncul kebanyakan negara-negara Islam baru mencapai kemerdekaan. Malaysia sendiri pada ketika itu masih dijajah dan hanya merdeka pada tahun 1957. Keadaan ini menjadikan gagasan islamisasi ilmu kurang disambut oleh umat Islam sendiri. Mungkin umat Islam tidak boleh disalahkan sepenuhnya atas sikap mereka ini kerana mereka telah sebegitu lama iaitu beratus tahun dikuasai oleh penjajah yang membawa kebudayaan dan peradaban Barat (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1992). Pemergian penjajah pula berlaku hanya secara fizikal sahaja kerana budaya dan peradaban mereka telah berakar umbi di kalangan penduduk tempatan. Mengikis dan menanggalkan budaya dan peradaban Barat dari dalam diri umat Islam dan menggantikannya dengan budaya dan peradaban Islam, pastinya sesuatu yang sukar. Dengan kata lain, kesan islamisasi ilmu terhadap kehidupan umat Islam hanya dapat dilihat dalam jangka masa yang sangat panjang.

Walau apapun, seperti dinyatakan oleh Wan Mohd. Nor Wan Daud (1991a), gagasan islamisasi ilmu ini adalah antara “gagasan yang paling hebat dan mempunyai kemungkinan besar ke arah kecemerlangan ilmu kreatif Islam masa depan” (hlm. 90). Dewasa ini, umumnya umat Islam masih ketinggalan dari semua segi jika dibandingkan dengan orang Barat mahupun orang Jepun. Penguasaan dalam bidang ekonomi, politik, sosial, dan pendidikan tidak berpihak di tangan umat Islam. Walaupun punca sebenar masalah ini sukar ditafsirkan tetapi faktor ilmu adalah antara yang paling berpengaruh. Pendapat Toffler (1980) yang meramalkan masyarakat gelombang ketiga yang berorientasikan maklumat

menegaskan lagi betapa penguasaan ilmu adalah satu-satunya jalan penyelesaian kepada masalah umat Islam. Idea sebegini bukanlah tidak disedari oleh umat Islam. Malah, sepanjang masa di beberapa negara terdapat usaha untuk mencari jalan keluar. Sebahagiannya seperti Kamal at-Tartuk di Turki telah bertindak meniru bulat-bulat budaya dan peradaban Barat dan meninggalkan budaya dan peradaban Islam (Mohammad Redzuan Othman, 2000). Sebahagiannya pula, menolak apa sahaja yang datang dari Barat kerana dikatakan tidak Islam dan membawa keburukan.

Ternyata kedua-dua usaha itu tidak berjaya. Kegagalan banyak berpunca dari sikap yang salah terhadap ilmu. Sebenarnya meniru Barat secara membuta tuli adalah satu kerja yang sia-sia. Walaupun Barat maju kerana ilmu mereka tetapi kemajuan mereka diperolehi melalui usaha beratus-ratus tahun. Usaha dan ilmu mereka juga adalah bersesuaian dengan agama, budaya dan nilai hidup mereka. Di sebaliknya menolak semua ilmu yang datang dari Barat juga bukan sikap Islam. Hal ini kerana bukan semua ilmu yang datang dari Barat itu merosakkan dan bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Banyak lagi ilmu yang bermanfaat yang boleh digunakan untuk kesejahteraan hidup umat Islam. Kesemua ini boleh di perbetulkan melalui gagasan islamisasi ilmu yang akan menggabungkan penerimaan ilmu Barat atau Timur secara kritis dan melakukan penyelarasan agar sesuai dengan budaya dan peradaban Islam. Hanya dengan cara ini sahajalah umat Islam boleh maju dan kembali memimpin tamadun dunia.

Akhirnya, kejayaan islamisasi ilmu tidak mungkin tercapai tanpa dokongan semua pihak. Pendidikan merupakan hanya satu daripada sistem dalam

masyarakat dan banyak lagi sistem lain yang saling berkait dan mempengaruhi pendidikan. Apakah mungkin sistem pendidikan sendirian berupaya mengharungi cabaran yang begitu hebat ini? Jawapannya jelas, tidak mungkin. Sistem pendidikan merupakan sebahagian daripada masyarakat. Hasil dari sistem pendidikan akan kembali ke dalam masyarakat. Hasil yang kembali ke dalam masyarakat tidak mungkin berupaya melaksanakan idea islamisasi ilmu andai masyarakat tidak menyokongnya. Beberapa pihak dilihat berperanan besar untuk menentukan kejayaan islamisasi ilmu, iaitu golongan ahli politik, pendidik dan ibu bapa. Golongan ahli politik walaupun kecil bilangannya, tetapi sangat berpengaruh. Oleh itu mereka perlu memahami islamisasi ilmu dan menyokongnya. Golongan pendidik pula adalah kelompok yang membina anak bangsa, maka mereka menentukan jenis generasi yang dihasilkan pada masa depan. Sedangkan kelompok ibu bapa tentulah sangat rapat dan berperanan besar mempengaruhi kehidupan anak-anak mereka. Kedua-dua kelompok guru dan ibu bapa ini adalah golongan yang paling hampir kepada generasi akan datang yang boleh menyampaikan terus idea islamisasi ilmu.

Usaha islamisasi ilmu di Malaysia, dijangka akan menghadapi cabaran dari dalam mahupun luar negara. Cabaran besar dari dalam negara adalah masyarakat majmuk yang berbilang agama, budaya dan bangsa. Oleh itu, kaedah dan strategi yang betul dan kreatif diperlukan agar mendapat sokongan daripada masyarakat majmuk ini. Sementara cabaran dari luar luar negara pula dijangka tidak kurang hebatnya untuk mana-mana negara Islam yang cuba melaksanakan islamisasi ilmu. Hal ini adalah kerana usaha islamisasi ilmu dijangka akan

mengangkat kembali martabat umat Islam dan perkara ini sudah tentu tidak disenangi oleh negara-negara kuasa besar terutamanya Barat kerana ia akan menggugat dominasi mereka terhadap dunia.

Islamisasi ilmu dalam pendidikan pula memerlukan perhatian yang bukan sedikit. Banyak perkara lagi yang perlu dilakukan. Antaranya termasuklah mencari jalan melakukan islamisasi ilmu terhadap peranan guru dan kaedah pendidikan guru, persekitaran sekolah, ko-kurikulum dan islamisasi buku teks. Sedangkan dalam masa yang sama sesiapa yang cuba melakukan islamisasi pendidikan tidak mempunyai contoh atau model untuk diikuti. Pelaksananya juga akan terdedah kepada kritikan yang boleh mematikan hasrat yang membara. Namun di antara usaha islamisasi pendidikan ini, cabaran yang paling hebat pastinya terhadap islamisasi buku teks. Islamisasi buku teks adalah sukar kerana ia memerlukan islamisasi disiplin-disiplin ilmu berkenaan secara khusus. Jika mahu melakukan islamisasi buku teks matematik misalnya, maka islamisasi matematik haruslah dilakukan terlebih dahulu dan demikianlah juga terhadap buku-buku teks yang lain. Hakikatnya usaha ini bukan mudah dan memerlukan usaha di peringkat tertinggi iaitu di peringkat pengajian tinggi seperti di universiti.

Persoalan siapakah yang akan melaksanakan tanggungjawab ini, mungkin sukar dijawab, tetapi tanggungjawab ini bukanlah milik sesiapa secara khusus kerana adalah menjadi tanggungjawab semua umat Islam yang berkemampuan mengikut keupayaannya masing-masing. Sebagai permulaan, apa yang diperlukan adalah pemahaman tentang konsep islamisasi ilmu itu sendiri dan inilah yang telah cuba dilakukan dalam penulisan ini.